(600-IRMI/DANA/5/3/ARAS(0114/2016)

# KAJIAN KES KE ATAS PENILAIAN TILAWAH AL-QURAN SECARA INTERAKTIF

**RESEARCH MANAGEMENT INSTITUTE (RMI)**
**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**
**40450 SHAH ALAM, SELANGOR**
**MALAYSIA**

**BY :**

**SITI FATIMAH TASIR**
**ZANIRAH MUSTAFA @ BUSU**
**NOOR SALIZA ZAINAL**
**NOR ASMIRA JUSOH**
**DR.MOHD NAZRI MAT ZIN**

**NOVEMBER 2018**

**Contents**

1. Letter of Report Submission.........................................................................................

2. Letter of Offer (Research Grant)....................................................................................

3. Acknowledgements.........................................................................................................

4. Enhanced Research Title and Objectives.......................................................................

5. Report..............................................................................................................................

5.1 Proposed Executive Summary....................................................................

5.2 Enhanced Executive Summary....................................................................

5.3 Introduction..................................................................................................

5.4 Brief Literature Review................................................................................

5.5 Methodology................................................................................................

5.6 Results and Discussion...............................................................................

5.7 Conclusion and Recommendation..............................................................

5.8 References/Bibliography

6. Research Outcomes.........................................................................................................

7. Appendices

## 1. LETTER OF REPORT SUBMISSION

Tarikh : 30 Ogos 2018
No. Fail Projek: (600-IRMI/DANA/5/3/ARAS(0114/2016)

Ketua
Unit Penyelidikan Dan Perundingan
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam
Selangor

Yang Berbahagia Tuan,

**LAPORAN AKHIR PENYELIDIKAN ARAS BERTAJUK "KAJIAN KES KE ATAS PENILAIAN TILAWAH AL-QURAN SECARA INTERAKTIF"**

Merujuk kepada perkara di atas, bersama-sama ini disertakan 1 (satu) naskhah Laporan Akhir Penyelidikan ARAS bertajuk "Kajian Kes Ke Atas Penilaian Tilawah Al-Quran Secara Interaktif" oleh Kumpulan Penyelidik dari UiTM Cawangan Kelantan untuk makluman pihak Yang Berbahagia Tuan.

Sekian. Terima kasih.

Yang Benar

SITI FATIMAH TASIR
Ketua
Projek Penyelidikan

## 3. ACKNOWLEDGEMENTS

The writers would like to acknowledge the Research Management Centre (RMC), UiTM for funding our research project entitled “Kajian Kes Ke Atas Penilaian Tilawah Al-Quran Secara Interaktif” (600-IRMI/DANA/5/3/ARAS(0114/2016) under the Academic and Research Assimilation (ARAS) grant.

# 5. REPORT

## 5.1 Proposed Executive Summary

Kajian ini memfokuskan tilawah al-Quran dan aplikasinya dalam kalangan pelajar di UiTM Cawangan Kelantan. UiTM telah mewajibkan kepada setiap pelajar Muslim di bahagian 01 hingga 03 mengambil kursus kod CTU yang ditawarkan oleh Pusat Pendidikan Islam. Salah satu dari keperluan penilaian kursus CTU ialah bacaan, hafazan dan analisa ayat-ayat al-Quran dari Surah Yasin. Tilawah al-Quran yang diaplikasikan Di UiTM ialah menggunakan kaedah bacaan secara *talaqi* iaitu setiap pelajar membaca di hadapan pensyarah dalam kelas. Seiring dengan perkembangan teknologi maklumat kini kaedah pembacaan al-Quran perlulah berubah dan seharusnya para pensyarah ACIS memfaatkan dengan kemudahan teknologi kini ke arah memudah proses pengajaran dan pembelajaran. Kaedah tilawah al-Ql-Quran secara interaktif merupakan suatu alternatif terbaik. Pembelajaran interaktif ialah pendekatan pedagogi yang melibatkan hubungan antara pemikiran aktif pelajar dengan kandungan pelajaran yang menekan perhatian, pengekalan dan tujuan pelajar belajar.

Proses pembelajaran secara interaktif ini disesuaikan dengan tahap kelancaran pelajar dalam membaca al-Quran dengan dibuat semakan atau penilaian awal terlebih dahulu untuk mengenalpasti samada bacaan pelajar di tahap yang rendah,sederhana atau tinggi. Bagi pelajar yang melepasi tahap tersebut, maka untuk penilaian seterusnya boleh menggunakan pendekatan interaktif dalam tilawah. Manakala bagi pelajar yang di tahap lemah bacaannya perlu menggunakan metode *talaqqi* iaitu secara bersemuka di dalam kelas. Pelajar dibenarkan membuat tilawah ayat-ayat al-Quran yang telah ditetapkan secara atas talian (contoh telefon bimbit) pada masa yang ditetapkan oleh pensyarah. Objektif kajian ini adalah untuk mengukur keberkesanan kaedah interaktif al-Quran dikalangan pelajar semester 01 dan 02. Tilawah interaktif ini telah diaplikasikan kepada beberapa orang pelajar dan hasilnya didapati kaedah ini memudahkan pelajar dan menjimatkan masa pensyarah dalam membuat penilaian tilawah al-Quran